



**LEMBAGA MUZIUUM NEGERI PERAK**

**NO SEBUT HARGA: LMNP/SH/2/2020**

**PERKHIDMATAN PENCUCIAN, PEMBERSIHAN DAN SELENGGARA LANDSKAP DI  
MAKAM-MAKAM DIRAJA NEGERI PERAK**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang **Perkhidmatan Membersih Kawasan dan Mengangkat Sampah** di bawah **kepala dan sub-kepala 221002 (Membersih Kawasan) dan 221003 (Mengangkat Sampah)** yang masih sah dan berkuatkuasa bagi menyertai sebut harga berikut:

| <b>No.<br/>Sebut Harga</b> | <b>Tajuk</b>                                                                                                                      | <b>Kod Bidang<br/>Pendaftaran</b>                                                                                                          | <b>Taklimat / Lawatan Tapak<br/>Tarikh Tutup</b>                                                                                                                                                                                                        |
|----------------------------|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|---------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>LMNP/SH/2/2020</b>      | <b>PERKHIDMATAN<br/>PENCUCIAN,<br/>PEMBERSIHAN<br/>DAN SELENGGARA<br/>LANDSKAP DI<br/>MAKAM-MAKAM<br/>DIRAJA NEGERI<br/>PERAK</b> | <b>KEMENTERIAN<br/>KEWANGAN:</b><br><br>Bidang<br><br><b>221002-</b><br>Membersih<br>Kawasan<br><br><b>221003-</b><br>Mengangkat<br>Sampah | <b>Tarikh : 26 Oktober 2020</b><br><b>Masa : 11.00 pagi</b><br><b>Tempat :</b> Galeri Sultan Azlan<br>Shah,<br>Bukit Chandan,<br>33000,<br>Kuala Kangsar<br><br><b>Kehadiran adalah<br/>diwajibkan</b><br><br><b>Tarikh Tutup : 2 November<br/>2020</b> |

2. Penyebut harga yang berminat untuk turut serta dalam tawaran sebut harga ini, dikehendaki membeli dokumen sebut harga secara tunai bermula pada 21 Oktober 2020 (Rabu) di **Muzium Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh** dengan harga **RM 20.00 satu set**.

3. Sila bawa bersama-sama **Dokumen Asal dan Salinan Sijil Kementerian Kewangan**, penama yang ada di dalam Sijil Kementerian Kewangan sahaja yang dibenarkan untuk menghadiri taklimat. Hanya penama di Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat sahaja yang boleh menghadiri Lawatan Tapak / Taklimat **Sebut Harga** dan tidak boleh mewakili pegawai selain daripada penama yang dibenarkan dalam sijil. Penama yang hadir hendaklah mematuhi langkah-langkah pencegahan wabak Covid-19 dan penjarakan fizikal sepertimana yang telah ditetapkan oleh kerajaan sepanjang tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP).
4. Dokumen sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul berlakri ditulis **"SEBUT HARGA LMNP/SH/2/2020"** pada sudut sebelah kiri sampul, dialamatkan kepada Pengarah Lembaga Muzium Negeri Perak, Muzium Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh.
5. Sampul sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga di Muzium Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh pada atau sebelum **2 November 2020 tidak lewat daripada jam 12.00 tengahari**.
6. Pentadbiran ini tidak akan bertanggungjawab di atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan.

  
( **NOR JANATI BINTI IBRAHIM** )  
Pengarah  
Lembaga Muzium Negeri Perak  
b.p. Setiausaha Kerajaan  
Perak Darul Ridzuan

**Tarikh : 19 Oktober 2020**